

## TEMA PANTUN COCOS DI SABAH

### *Theme of Cocos Pantun in Sabah*

\*Asmiaty Amat

asmiaty@ums.edu.my

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa , Universiti Malaysia Sabah

Isa Romtie

ithariffatirdina@gmail.com

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

Norhuda Salleh

norhudasalleh@ums.edu.my

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

**Published:** 12 May 2022

**To cite this article (APA):** Amat, A., Romtie, I., & Salleh, N. (2022). Tema Pantun Cocos di Sabah. *PENDETA*, 13(1), 33-46. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.4.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.4.2022>

### **ABSTRAK**

Masyarakat Cocos di negeri Sabah merupakan etnik minoriti yang sangat unik dari segi kebudayaan dan bahasanya. Mereka digolongkan dalam kategori etnik bumiputera beragama Islam. Walaupun nama mereka berbunyi agak keinggerisan dan pakaian mereka ada percampuran bangsa Portugis dan Jawa, budaya dan bahasa orang Cocos hampir sama dengan orang Melayu di Tanah Melayu dan mereka juga arif dalam tradisi berpantun. Lenggok pengucapan mereka agak unik kerana ia seolah-olah ada gaya sebutan baba nyonya di Melaka. Kajian Pauline Bunce terhadap pantun orang Cocos di Pulau Cocos (Australia) mendapati bahawa pantun masyarakat Cocos hanya bertema kasih sayang dan hanya dilantunkan ketika tarian Selong dipersembahkan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi melihat tema pantun Cocos dengan melakukan kajian lapangan di Kampung Balung Cocos dan Kampung Skim Cocos dalam daerah Tawau. Informan yang dipilih terdiri daripada orang Cocos yang berpengalaman dan berpengetahuan tentang budaya dan pantun Cocos. Dapatan kajian dianalisis secara tematik untuk mengkategorikan tema-tema pantun. Kajian ini mendapati bahawa tema pantun orang Cocos mirip dengan pantun masyarakat Melayu di Nusantara. Perbezaannya hanya terletak pada cara pengucapan yang digunakan oleh masyarakat tersebut. Pantun ini juga memperlihatkan percampuran bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa pasar dan bahasa asing yang lain. Tema-tema yang ditemui ialah tema cinta dan kasih sayang, budi, *mengaco* (hiburan), *mendongkol* (kecewa) dan perpisahan, ajaran (nasihat), agama dan tema pantun *kongajar* (lucah).

**Kata kunci:** Masyarakat Cocos; Sabah; tema pantun; analisis tematik

### **ABSTRACT**

*The Cocos community is a minority ethnic group in Sabah with distinct cultural and linguistic characteristics. They belong to the Muslim Bumiputera ethnic group. The Cocos' culture and language are essentially identical to the Malays of Malaya, despite the fact that their name sounds Anglicised and their traditional clothing contains a combination of Portuguese and Javanese elements. They also have a strong understanding of the pantun heritage. Their pronunciation is distinctive because it resembles that of a Melaka Baba and Nyonya. Pauline Bunce's study on the pantun of the Cocos people on Cocos Island (Australia) discovered that their pantun were primarily themed on love and affection and were only chanted when the Selong dance was performed. Thus, this study was carried out to observe the themes of the pantun of the Cocos people in Sabah. Field study was conducted*

*in Kampung Balung Cocos and Kampung Skim Cocos, Tawau district. The selected informants were Cocos people with extensive experience and knowledge of Cocos culture and their pantun. The findings of the study were analyzed thematically to categorize the themes of the pantun. This study found that the themes of Cocos pantun are similar to the Malay pantun in the Malay archipelago. The only distinction is in the community's pronunciation which demonstrates a mixture of languages. The language used is a combination of formal Malay, slang typically used in informal conversations, and foreign languages. The themes discovered are love and affection, kindness, entertainment, disappointment and partings, teachings (advice), religion, and profanity.*

**Keywords:** Cocos community; Sabah; theme of pantun; thematic analysis

## PENGENALAN

Pantun adalah sastra lisan orang Melayu yang bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi ia sarat dengan pemikiran yang mampu memberi tunjuk ajar dan nilai kepada masyarakat. Sungguhpun ia disampaikan secara kelakar, inti patinya yang tersirat mampu meluahkan perasaan pemantun nilai agama, budaya dan norma-norma sosial yang sangat rapat dengan masyarakat Melayu. Zurinah Hassan (2016), turut menyatakan bahawa dalam pantun terangkum pemikiran dan perasaan (emosi). Pemikiran merangkumi pandangan hidup, nasihat pedoman dan falsafah, manakala perasaan atau emosi termasuk sedih, suka, bahagia, kagum, sayu, cinta, kasih, rindu dan sebagainya.

Harun Mat Piah (1989), menjelaskan bahawa pantun terbahagi pada aspek dalaman dan aspek luaran, iaitu struktur visualnya sementara aspek dalaman merujuk kepada unsur estetik dan isi pantun (tema dan persoalan). Melalui unsur estetika dua aspek diperhatikan, iaitu berkaitan dengan penggunaan lambang-lambang tertentu yang terdapat dalam pantun mengikut tanggapan dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Perkaitan keduanya ini, dilihat berdasarkan hubungan makna antara pasangan pembayang dengan pasangan maksud sama ada secara konkrit atau abstrak. Hal ini turut dikukuhkan oleh Mohd Rashid Md. Idris (2011), bahawa nilai keindahan pantun dapat dibina oleh pemantun dengan mengambil kira sensitiviti berkenaan struktur binaan dan gaya bahasa sesebuah pantun. Penciptaan pantun memerlukan perhatian dan kepekaan daripada semua aspek termasuklah pemilihan leksikal, sukatan suku kata, dan jumlah barisnya yang terhad. Kesemua ini disusun dan dirangkumkan dalam bentuk pemikiran yang padat bagi menyatakan keindahan pada pantun. Persembahan pantun juga mesti menarik selain maksud yang ingin disampaikan oleh pemantun.

## KAJIAN LEPAS DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian berkenaan sastra etnik atau hubungan antara etnik dalam Sastra di Sabah (Asmiaty, 2021), dilakukan dengan mengambil kira penghasilan karya dalam kalangan peribumi atau bumiputera tertentu termasuk karya tradisinya. Kajian pantun di negeri Sabah biasanya merujuk kepada etnik tertentu yang memiliki pantun seperti masyarakat Melayu Brunei, Suluk dan Bajau. Lokman Abdul Samad dalam kertas kerjanya yang berjudul *Wahui: Pengenalan Genre Pantun Suluk di Sabah* (2008), telah memperihalkan pantun Suluk di Sabah, iaitu panggilan bagi mereka sebagai *kalang* atau *kalangan*. Pantun Suluk mempunyai pelbagai jenis, mengikut tema, khalayak dan fungsi seperti pantun kanak-kanak, pantun teka-teki, pantun agama dan pantun nasihat. Lokman Abdul Samad (2017), turut mengkategorikan stail pembentukan pantun Brunei dalam tesis beliau yang berjudul *Pantun Brunei: Satu Kajian Stilistik*. Low Kok On (2016), pernah menulis berkaitan unsur berahi dalam pantun kasih sayang masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Unsur berahi dikatakan telah menambat hati pencipta pantun Melayu.

Kajian Norjietta Julita Taisin (2019), pula memperihalkan unsur metafora dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun, iaitu menonjolkan *sudawil* atau pantun yang dikategorikan sebagai puisi tradisional selain kajian Florina Jumil dan Norjietta Julita Taisin (2017). Hasil kajian Norjietta Julita Taisin (2019), mendapati bahawa pemakaian unsur metafora yang berasaskan unsur-unsur alam flora dan fauna menjadi pelengkap bagi memaknakan keindahan alam dalam pemilihan lambang atau simbol yang terdapat dalam *sudawil*. Rosliah Kiting (2020) pula mengetengahkan *talaala* dalam masyarakat

Dusun Tindal di Sabah. Rosliah menjelaskan kajian beliau yang mendapati *talaala* mempunyai nilai pendidikan yang bertujuan memupuk kelakuan yang baik, kerajinan, hormat-menghormati, dan memupuk kesedaran tentang keutamaan memiliki ilmu dalam kehidupan.

Kajian terhadap etnik Cocos dilakukan oleh Pauline Bunce (1993), berkenaan pantun Cocos di Kepulauan Cocos yang menyatakan bahawa pantun Cocos hanya bertemakan kasih sayang sementara Isa Romtie *et al.* (2018; 2019), mendapati bahawa pantun Cocos seringkali dilagukan ketika acara perkahwinan dalam masyarakat tersebut. Pauline turut menegaskan bahawa pantun Cocos hanya dapat ditemukan dalam tarian *Selong* sewaktu upacara perkahwinan. Tarian *Selong* adalah tarian yang dipersembahkan ketika acara perkahwinan berlangsung di Pulau Cocos. Semua komuniti Cocos akan berkumpul pada masa itu sebagai tanda kegembiraan. Kajian terhadap pantun Cocos ini perlu diperluaskan untuk memberikan nilai tambah terhadap kajian terdahulu. Oleh sebab kajian terhadap tema pantun Cocos belum pernah dibincangkan kajian ini difikirkan perlu untuk memperlihatkan tema pantun yang dimiliki oleh orang Cocos. Selain itu, ia juga bagi tujuan menyanggah pendapat Pauline yang menyatakan pantun Cocos hanya bertemakan kasih sayang.

## SEJARAH KEDATANGAN DAN PENEMPATAN MASYARAKAT COCOS DI SABAH

Asal usul orang Cocos atau orang *Kelahiran Cocos*, iaitu rujukan yang diberikan kepada mereka secara rasmi telah tinggal berasingan daripada buruh-buruh kontrak Jawa dan Eropah tinggal di situ sebagai pemilik tanah. Perkampungan Cocos mempunyai masjid, pemimpin, dan mempunyai upacara tradisi mereka tersendiri (Pauline Bunce, 1993). Petunjuk ini menunjukkan budaya dan cara hidup masyarakat Cocos masih diteruskan dan lestari. Orang Cocos mula berhijrah keluar dari kepulauan Keeling kerana pulau tersebut terlalu sarat dengan penduduk dan desakan hidup (Wan Hashim Wan Teh, & A. Halim Ali, 1993). Penghijrahan orang Cocos meninggalkan Pulau Cocos adalah pada tahun 1949 akibat masalah kekurangan makanan dan penduduk yang melebihi had. Mereka digalakkan berpindah keluar sehinggakan majikan mereka membantu mengaturkan penghijrahan tersebut.

Masyarakat Cocos di Sabah yang berhijrah ke Sabah mendiami beberapa tempat di daerah Tawau, Kunak, Lahad Datu dan Sandakan. Namun begitu, penempatan yang paling ramai adalah di Kampung Balung Cocos, Tawau. Biarpun kehidupan mereka sudah terasing dengan negara asal, tetapi amalan dan cara hidup mereka masih mengekalkan cara hidup nenek moyang mereka (Isa Romti *et al.*, 2018). Berdasarkan banci penduduk yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negeri Sabah yang bermula 2010 dan akan berakhir 2020, ia tidak meletakkan secara spesifik jumlah sebenar masyarakat Cocos yang mendiami negeri Sabah kerana diletakkan dalam kumpulan Bumiputera lain-lain. Walau bagaimanapun, setiap tahun pihak Jabatan Perangkaan telah membuat unjuran mengikut etnik yang terdapat di negeri Sabah (Jabatan Perangkaan Negeri Sabah, 2019).



**Rajah 1:** Peta Menunjukkan Lokasi Pulau Cocos, Australia  
**Sumber:** Cocos (Keeling) Islands Tourism Association

Sejak di Kepulauan Cocos, masyarakat Cocos menggunakan pantun sebagai bahan hiburan dan medium komunikasi ketika mengadakan majlis praperkahwinan, seperti meminang dan melamar, persandingan dan semasa aktiviti persembahan tarian *melenggok*, *melenggok kemanten*, *menarik daun lepat*, tarian *samba kawen* dan tarian *selong*. Pantun dilagukan sebagai pelengkap yang diselang-selikan dalam beberapa tarian tersebut. Pantun juga ditemukan dalam acara menyambut tetamu, majlis *menyunat* (berkhatan) dan kadang kala dalam senda gurau harian bersama keluarga (Isa Romtie *et al.*, 2018; 2019).


Pantun Cocos sama seperti pantun Melayu tetapi mempunyai perbezaan pada cara pengucapan yang ada kalanya agak kasar. Contohnya penggunaan perkataan '*taon, ari, ambek, menetes*'. Namun bunyi yang dianggap agak kasar itulah sebenarnya yang membentuk penyatuan hubungan kekeluargaan dan silaturrahim sesama mereka. Biarpun masyarakatnya merupakan masyarakat minoriti di negeri Sabah, tetapi tradisi berpantun masih menjadi tradisi dalam majlis-majlis tertentu masyarakat Cocos di negeri Sabah. Pantun Cocos memperlihatkan cerminan budaya masyarakat pengamalinya dari dahulu sampai sekarang.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan dengan mengumpulkan pantun dalam kalangan informan di Kampung Balung Cocos dan Kampung Skim Cocos daerah Tawau. Terdapat lapan orang informan telah ditemu bual, iaitu Roland bin Molden (74 tahun), Arsah binti Bidol (77 tahun), Haji Mydin bin Salam (78 tahun), Norini binti Wawassie (72 tahun), Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun), Haji Romtie bin Ibla (81 tahun), Bahdie binti Ibla (76 tahun) dan Adduan bin Andin (58 tahun). Sebanyak 385 pantun Cocos berjaya dikutip namun dalam artikel ini, hanya beberapa buah pantun sahaja akan dikaji. Data-data pantun yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah tematik bagi mengelompokkan tema yang mendasari penciptaan pantun Cocos yang terdapat di negeri Sabah.

## **TEMA PANTUN COCOS**

Berdasarkan pemerhatian di lapangan, kajian ini mendapati bahawa pantun Cocos bukan hanya terdiri daripada pantun kasih sayang. Pelbagai tema pantun ditemui dan digunakan untuk menyatakan perasaan kepada orang lain. Berikut merupakan tema pantun Cocos yang telah diperoleh dalam kajian ini.



**Rajah 2:** Tema pantun

Hasil pengumpulan data di lapangan telah menemukan pantun Cocos lebih banyak menggunakan pantun empat kerat, iaitu dua baris pembayang dan dua baris maksud pada setiap ungkapan pantunnya. Tema pantun juga terdiri daripada cinta dan kasih sayang, budi, *mengaco* (hiburan), *mendongkol* (kecewa) dan perpisahan, *ajaran* (nasihat), agama dan tema pantun *kongajar* (lucah).

### Pantun Cinta dan Kasih Sayang

Kajian ini mendapati bahawa tema pantun masyarakat Cocos lebih mengarah kepada pantun bertema cinta dan kasih sayang. Pantun bertema kasih sayang itu dilantunkan ketika mereka mengadakan kenduri-kendara atau keramaian. Tema percintaan dan kasih sayang juga ditemukan dalam persembahan tarian *melenggok*, tarian *selong*, tarian *labuan tidak berbukit*, dan persembahan bangsawan Cocos. Pantun biasanya dilantunkan dengan iringan muzik biola dan gendang. Walau bagaimanapun, tema pantun percintaan dan kasih sayang ini tidak hanya tertakluk ketika majlis keramaian kerana pantun bertema kasih sayang ini juga ditemukan ketika mereka bersenda gurau bersama keluarga dan sanak saudara.

**Jadual 1:** Pantun cinta dan kasih sayang

Pantun Cinta dan Kasih Sayang	Informan
Sebukum pulu besi Saya menampak di gunung api Biar diukum dibunuh mati Cinta tiada mengalah lagi	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Kalok tuan mengisi botol Sudah penoh saya pikulkan Kalok tuan bercakap betol Di mana pigi saya susulkan	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Anak Linggu menjual tuak Bidadari membentang tali Ati rindu sapa yang bawak Saya mintak datang sendiri	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun) Roland bin Molden (74 tahun)

Doblas orang dari sekoci Kapal besar tengah muara Satu bulan boleh kunanti Satu taon telampu lama	Roland bin Molden (74 tahun)
Ari minggu duduk menucik Ambek piso mengupas kates Anak muda lagi menucik Ayer mata jatuh menetes	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Minum kopi tidak bercawan Ada cawan di kedeh Cina Mau tidor tidak berkawan Mau dipelok bukan si nona	Arsah binti Bidol (77 tahun) Norini binti Wawassie (72 tahun)
Tanjong Tuwa'wu jambatan lima Tempat saya pulang menyanyi Sudah tau saya terima Saya tidak mungkir janji	Arsah binti Bidol (77 tahun)

Pantun yang bertemakan cinta dan kasih sayang yang diperoleh memperlihatkan perasaan-perasaan pemantun terhadap orang yang dijual pantunnya selain kerinduan-kerinduan antara kekasih, saudara mara. Rangkap pantunnya ada yang disampaikan secara jelas dan berterus terang. Contoh pantun di bawah ini yang memperlihatkan bagaimana perasaan pemantun yang rindu pada kekasih hatinya seperti yang berikut:

Minum kopi tidak bercawan  
Ada cawan di kedeh Cina  
Mau tidor tidak berkawan  
Mau dipelok bukan si nona

Namun, terdapat juga pantun yang dilagukan secara tersirat. Penyampaian yang berlapis dan berkias sangat jelas terdapat dalam pantun bentuk berkias. Pantun-pantun yang diberikan sebagai contoh menjelaskan berkenaan janji, kerinduan, dan kasih sayan yang berputik antara pasangan kekasih atau saudara sebagaimana pantun yang berikut :

Sebukum pulu besi  
Saya menampak di gunung api  
Biar diukum dibunuh mati  
Cinta tiada mengalah lagi

Pantun-pantun kerinduan yang termasuk dalam tema kasih sayang ini banyak melatari tema pantun Cocos dikaitkan dengan pertemuan dan perpisahan yang dialami oleh masyarakat ini sejak penghijrahan mereka daripada Pulau Cocos ke Borneo (Sabah).

### **Pantun Budi**

Sebagaimana dalam budaya masyarakat Melayu, budi ditempatkan pada tingkat yang tertinggi. Secara umumnya, konsep budi itu meliputi seluruh nilai kebaikan,, iaitu pentingnya berbudi, mengenang budi, dan membalas budi. Abd. Racman menjelaskan bahawa;

“Budi adalah struktur dalam yang membimbing dan menjadi pedoman dalam menentukan arah kehidupan, khususnya dalam hubungan sosio-budaya dan spiritual. Ia sentiasa dijunjung tinggi oleh orang Melayu dalam segala hal. Melalui budi, mereka mengatakan kehalusan dan keluhuran tradisi-budaya sehingga kekuatan tradisi budaya Melayu terikat erat dengan budi (2009:174-175)”.

Budi merupakan struktur penting yang mampu membimbing dan menghubungkan setiap anggota masyarakat, bangsa dan negara. Budi merupakan satu orientasi nilai yang mengukuhkan setiap bangsa. Tanpa budi dalam perlakuan seseorang, batas-batas kehidupan mudah runtuh dan sesuatu bangsa mudah kehilangan daya ikatan yang menghubungkan sesama mereka (Norazit Selat, & Zainal Abidin Borhan, 1996). Ternyata, dalam pantun Cocos juga terdapat persamaan dengan pantun orang Melayu yang menjadikan budi sebagai pegangan dalam hidup mereka.

Pantun Cocos yang bertemakan budi memperlihatkan kepentingan nilai budi yang perlu dipelihara dalam diri seseorang. Seseorang yang berbudi pekerti baik dianggap sebagai individu yang disenangi dalam masyarakat. Berdasarkan tingkah laku orang berbudi, ia mencetuskan ilham kepada seseorang untuk menjadikan pantun sebagai wahana perantara mereka di dalam berkelakuan dalam bermasyarakat. Sungguhpun, masyarakat Cocos tidak memiliki latar belakang pendidikan yang tinggi, tetapi mereka mendidik generasi muda mereka menerusi pantun yang mereka lantunkan. Menerusi contoh pantun budi yang ditunjukkan memperlihatkan bagaimana masyarakat Cocos begitu menyanjung nilai budi dalam diri dan sentiasa mengenang kebaika-kebaikan atau budi yang diberikan oleh orang lain.

**Jadual 2:** Pantun budi

<b>Pantun Budi</b>	<b>Informan</b>
Jau-jau si kapal dagang Patalah tiang tali kemudi Jau-jau saya lah datang Ingatlah tuan yang baik budi	Haji Romtie bin Itla (81 tahun)
Padi pulut padi lemba Padi kuning di atas peti Janji di mulut boleh dilupa Janji di ati membawa mati	Haji Mydin bin Salam (78 tahun)
Selamat kampung selamat Selamat datang di Batu Empat Saya datang beri ormat Kasi ormat yang punya tempat	Arsah binti Bidol (77 tahun)
Anak ayam memakan jagong Anak itik berenang-renang Jasa ayah bonda terlalu agong Sampeh mati tetap kukenang	Haji Romtie bin Itla (81 tahun)
Kalok ada kelawang kidang Burung puti terbang ari Saya tidak memandang barang Ati budi yang saya cari	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Ari Kamis malam Jumaat Sembayang Subuh pukul lima Janji tuan sudah selamat Kalok boleh elok semporna	Norini binti Wawassie (72 tahun)
Dari Melaka pigi ke Jambi Pokok somkok warna mera Kalok idup tidak berbudi Umpama pokok tidak berbunga	Roland bin Molden (74 tahun)
Padi pulut padi lemba Padi kuning di atas peti Janji di mulut boleh dilupa Janji di ati membawak mati	Haji Mydin bin Salam (78 tahun).

Tema pantun budi telah diterapkan oleh masyarakat kerana merupakan salah satu norma hidup yang penting. Walaupun orang Cocos di Sabah adalah masyarakat minoriti tetapi mereka mampu menerapkan nilai budi kepada anak-anak mereka hingga ke hari ini. Contohnya pantun budi dalam masyarakat Cocos mengajar seseorang anak agar sentiasa mengenang budi dan menolong orang lain yang telah berbudi kepada mereka. Nasihat untuk sentiasa berbudi kepada orang lain dikatakan sangat penting kerana nilai budi memberikan pedoman kementerian seseorang individu. Contoh seperti pantun yang berikut, iaitu mengaitkan manusia tidak berbudi seperti pokok tidak berbunga.

Dari Melaka pigi ke Jambi  
 Pokok somgkok warna mera  
 Kalok idup tidak berbudi  
 Umpama pokok tidak berbunga

Padi pulut padi lemba  
 Padi kuning di atas peti  
 Janji di mulut boleh dilupa  
 Janji di ati membawak mati

Rangkap pantun di atas menjelaskan perbuatan janji yang mesti ditunaikan dan ditepati. Perbuatan janji selalunya akan diingat oleh seseorang sampai bila-bila sama ada perbuatan yang baik atau buruk.

### **Pantun *Mengaco* (Hiburan)**

Fungsi pantun sebagai kaedah masyarakat berhibur dan bersenda gurau dalam kehidupan seharian, telah menjadi amalan sejak zaman berzaman. Berbalas-balas pantun mampu memberi kelegaan perasaan dan meredakan suasana yang tegang, berat, selain dapat menghilangkan kepenatan. Ketika bergurau senda, suasana harmoni dengan gelak ketawa daripada pantun yang dijual beli mampu memecahkan kesunyian ketika berkumpul. Perkara ini ditambah lagi dengan isi pantun yang tersurat dan tersirat yang mampu mengundang usikan dan juga sindir menyindir seseorang terhadap orang di sekelilingnya untuk memeriahkan suasana. Semua ini dinyatakan secara tidak langsung tanpa ada unsur menyakiti orang lain.

Demikian juga pantun Cocos, walaupun penyampaian pantun agak kasar ketika dilantunkan, ia tetap mempunyai nilai persamaan dengan pantun Melayu kerana memiliki kesetaraan dalam memberi didikan dan hiburan. Didik hiburan dalam masyarakat Cocos, boleh sahaja diucapkan dengan ekspresi pemantunnya atau dilagukan mengikut melodi yang telah ditetapkan.

**Jadual 3:** Pantun *mengaco* (hiburan)

<b>Pantun <i>Mengaco</i> (Hiburan)</b>	<b>Informan</b>
Potong balak dari terkini Kelapa rujak belum dikorek Badan keh balok keh ada bini Apa jugak dia buat	Arsah binti Bidol (77 tahun)
Pulu Tikus kerja siang Datang pagi petang pulang Mandik kan badan di rumah pulang Asal senang bini dipandang	Roland bin Molden (74 tahun)
Main leleh ma kawan-kawan Sambil tengok yang punya lawan Anak-anak jangan melawan Kalok malam memimpi nek kebyan	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Apa puti di tanjung sana Roko-roko tanaman Cina Apa puti disanggol nona Telor kutu kusangka bunga	Roland bin Molden (74 tahun)



Angin kencang ingatkan ribut Acer-aceran aor tak karoan Sakit rindu sapa yang sebut Duduk termenung teringat setan	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Kolek belayar di tepi laut Sambil mendayung berati-ati Duduk makan kuahnya siput Enak kok diirup puas ati	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Tinggi-tinggi si tiang welis Cobak-cobak angkat bendera Kita bermain dalam majelis Cobak-cobak bukak suara	Bahdie binti Ibla (76 tahun)
Sodok-sodok kelapa tua Jatoh sebijik kebon Belanda Purak-purak bebini dua Bini satu kurang belanja	Arsah binti Bidol (77 tahun)
Ukir-ukir tanah Betawi Buah pinang dibelah dua Pikir-pikir dalam ati Satu bantal kepala dua	Norini binti Wawassie (72 tahun)

Pantun-pantun yang dikategorikan sebagai pantun hiburan di atas memperlihatkan sindiran-sindiran secara langsung dan tidak langsung kepada pendengar. Ia meliputi kegiatan-kegiatan mereka sehari-hari seperti termenung, makan, mencari kutu, tidur dan juga sindiran terhadap pasangan yang telah berkahwin. Walaupun kebanyakan pantun seolah-olah hiburan tetapi ia menjurus kepada ikatan ukhwah yang terjalin dalam masyarakat. Contohnya pantun di bawah ini yang memperlihatkan bagaimana dua orang sahabat atau saudara yang berkongsi bantal untuk tidur bersama.

Ukir-ukir tanah Betawi  
Buah pinang dibelah dua  
Pikir-pikir dalam ati  
Satu bantal kepala dua

### Pantun Kecewa dan Perpisahan

Dalam kehidupan sehari-hari, tentu sahaja seseorang melalui pelbagai pengalaman yang mengundang rasa yang pelbagai. Selain rasa gembira, seseorang turut berasa kecewa, hampa, sedih atau berdukacita. Perkara ini wujud lebih-lebih lagi dalam kehidupan berkeluarga, pasangan kekasih atau sahabat. Pertemuan dan perpisahan, biasanya memberi pelbagai perasaan sedih dan gemira bagi sesiapa yang melaluinya. Tema kecewa dan perpisahan dapat dilihat menerusi contoh yang berikut.

**Jadual 4:** Pantun kecewa dan perpisahan

<b>Pantun Kecewa dan Perpisahan</b>	<b>Informan</b>
Belum puas batang asam Kembang melati dipunggalkan Belum puas belum bosan Sampeh ati ditinggalkan	Arsah binti Bidol (77 tahun) Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Using-using mengait kain Pakek pending Sembilan mata Saya tak pusing sama yang lain Boleh dibuat di mata-mata	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Anak ingguk si kecil-kecik Ambik parang mengupas kates Ari minggu duduk menucik Air mata jatuh menetes	Arsah binti Bidol (77 tahun)
Langit tinggi mana tangganya Pintu sorga mana kuncinya	Adduan bin Andin (58 tahun)

Dalam dunia kita bersama Bercereh idup apa rasanya	
Ayam walek bertaji ranteh Kasi makan ampas kelapa Saya kasi sudah sampeh Kalok tak dibalas tidak mengapa	Adduan bin Abdin (58 tahun)

Tema pantun kecewa dan perpisahan ini juga sinonim dengan masyarakat Cocos. Apatah lagi, mereka pernah melalui fasa-fasa kesukaran kerana melalui proses penghijrahan suatu ketika dahulu. Oleh yang demikian, tidak mustahil pengalaman hidup mereka telah diterjemahkan dalam bentuk pantun.

Langit tinggi mana tangganya  
Pintu sorga mana kuncinya  
Dalam dunia kita bersama  
Becereh idup apa rasanya

Rangkap pantun menjelaskan hubungan pasangan suami isteri yang telah lama mendirikan rumahtangga. Kehidupan mereka banyak melalui cabaran, sehingga terpaksa berpisah. Namun begitu, jika difahami lebih mendalam rangkap pantun ini telah menceritakan pengalaman hidup orang Cocos yang melalui kesusahan kerana terpaksa berpisah dengan keluarga di Pulau Cocos suatu ketika dahulu.

### **Pantun Ajaran (Nasihat)**

Sifat semulajadi orang Melayu dahulu, pada dasarnya adalah berbudi pekerti mulia dan seboleholehnya mahu menjaga hati dan perasaan orang lain. Mereka tidak suka melahirkan kata-kata dan gambaran negatif secara langsung dan terbuka kepada orang (Noriah Mohamed, 2006:47). Budi pekerti mulia dipelihara dalam konteks memelihara adab kesopanan dalam kelompok masyarakat mereka ketika bergaul.

Kebanyakan pantun berisi nasihat dan menjadi pedoman kepada orang yang mendengarnya. Tujuannya adalah agar pada masa akan datang, generasi seterusnya turut menjadikan nasihat sebagai panduan dalam hidup mereka. Contohnya, nasihat kepada anak-anak tentang kepentingan menuntut ilmu. Seseorang itu tidak akan berjaya sekiranya menuntut ilmu sekadar melepas batok di tangga. Perbuatan mereka ini seperti 'bunga kembang tak jadi' (Tajul Kelantan, 1958: 38-39). Oleh itu, orang tua dahulu seringkali menasihati generasi muda agar mereka tidak leka dan berjaya dalam kehidupan. Ibu bapa berhak mendidik dan menasihati anak-anak mereka sejak kecil lagi, bak kata pepatah 'melentur buluh, biarlah dari rebungunya.' Demikian masyarakat Cocos menjadikan pantun nasihat juga sebagai cara untuk menyalurkan didikan dan nasihat kepada anak-anak dan cucu-cucu mereka. Perhatikan pantun yang bertemakan nasihat yang telah dikutip ketika kajian lapangan dijalankan.

**Jadual 5:** Pantun ajaran

<b>Pantun Ajaran (Nasihat)</b>	<b>Informan</b>
Mentari terbit di waktu fajar Sembayang subuh da nampak cahaya Tidak lari gunung dikejar Hilang kabus nampaklah dia	Haji Romtie bin Itla (81 tahun)
Tiup suling bunyi keroni Anak Keling mandik minyak Saya ibarat rumput di bumi Atinya baik ja'atnya tidak	Hajah Arsie binti Bidol (77 tahun)
Anak ikan dimakan ikan Buah sekaya matang merekak Bisa makan bisa simpan Ada rasia jangan bukak	Norini binti Wawassie (72 tahun)

Singapura dilanggar todak Buat menanda batang pisang Orang tua menyuruh tidak Ibarat bulan pagarnya bintang	Haji Romtie bin Ibla (81 tahun) Arsah binti Bidol (77 tahun)
--	---

Pantun bertemakan *ajaran* (nasihat) turut mewarnai masyarakat Cocos sejak dari dahulu kerana pendekatan ini merupakan salah satu cara menasihati anak-anak dan masyarakat sekelilingnya. Contohnya pantun berikut yang menasihati agar rahsia yang orang lain ceritakan kepada kita perlu disimpan dan jangan dibocorkan. Rahsia merupakan amanah seseorang untuk sentiasa dipelihara.

Anak ikan dimakan ikan  
Buah sekaya matang merekak  
Bisa makan bisa simpan  
Ada rasia jangan bukak

Pantun yang dipaparkan memperlihatkan diri dan sikap pemantun Cocos ketika mendekati dan menasihati pendengarnya. Tidak semua nasihat yang diberikan itu secara serius, sebaliknya boleh sahaja dengan bersenda gurau dan bermain. Ternyata dengan bersenda gurau dalam pantun juga dapat mendidik dan menerapkan nilai murni kepada pendengarnya.

### Pantun Agama

Pantun agama bermaksud pantun tersebut akan mengandungi nilai-nilai luhur agama. Nilai-nilai tersebut merupakan gagasan dan konsep yang terdapat dalam pemikiran dan perasaan dalam anggota masyarakat. Gagasan dan konsep tersebut diambil dan dijiwai dari ayat suci al-quran dan hadis (Abd. Racman Abror, 2009: 189).

Pantun keagamaan turut berfungsi memberi nasihat, saranan, pengajaran, panduan, contoh, tauladan dan lain-lain yang berkaitan dengan nilai keagamaan. Pemakaian pantun agama juga berkait dengan penyebaran agama Islam ke Tanah Melayu sejak sekian lama. Sebab itulah dalam pantun terdapat tema agama yang banyak memberi bimbingan serta pedoman kepada pendengarnya (Mohd Rosli Saludin, 2007). Pantun yang merujuk persoalan agama terarah kepada pembentukan kehidupan yang bersifat kerohanian menjurus ke alam akhirat. Contohnya pantun-pantun yang terarah kepada hukum hakam, tauhid, fiqah, amalan syariat, rukun iman, rukun Islam sebagai bekalan yang bersifat kerohanian (Harun Mat Piah, 2007:26).

Jika dilihat berdasarkan pelbagai tema yang terdapat dalam pantun, pengungkapan tema agama boleh dikatakan agak sederhana, baik dari segi bentuk, mahupun dari segi pengajaran yang disampaikan. Pantun yang bertemakan keagamaan dalam masyarakat Cocos agak kurang, tidak seperti tema hibuan, percintaan dan kasih sayang. Berikut merupakan pantun bertemakan agama yang berjaya dikutip semasa kajian ke lapangan.

**Jadual 6:** Pantun agama

Pantun Agama	Informan
Bunyi guntur di atas langit Kilap menyambar dalam cunia Pintu kubur duduk menangis Ingat diseksa dalam dunia	Haji Romtie bin Ibla (81 tahun) Norini binti Wawassie (72 tahun)
Bismillah itu mula dibaca Rahman rahim pulak serta Alhamdulillah puji yang nyata Diturunkan Allah kepada kita	Roland bin Molden (74 tahun)
Kelima haji ke baitullah Rukun Islam sudah terjumlah	Roland bin Molden (74 tahun)

Lima perkara tunailah sudah Itu semua perintah Allah	
---	--

Bunyi guntur di atas langit  
Kilap menyambar dalam chunia  
Pintu kubur duduk menangis  
Ingat diseksa dalam dunia

Rangkap pantun tersebut menjelaskan seseorang yang telah mati dan sedang duduk menangis kerana tidak sanggup disiksa disebabkan perbutan dan dosanya semasa hidup di dunia. Penjelasan maksud pada rangkap pantun ini begitu jelas penyampaian oleh pemantun kepada pendengarnya.

Pantun yang dikategorika dalam tema agama dikaitkan dengan nasihat yang berkaitan dengan agama tentang siksa kubur. Diperhatikan bahawa pantun tema agama diletakkan perkataan-perkataan arab dan sifat-sifat Allah, nama tempat beribadah dan berkenaan peringatan-peringatan jika seseorang tidak taat pada perintah agama. Walaupun pantun jenis ini tidak sebanyak tema pantun lain, namun kehadiran pantun ini tetap memberikan kesan yang baik kepada pemantun dan khalayaknya. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Cocos juga mengetahui tentang selok belok keagamaan dalam pembentukan pantun mereka. Sungguhpun pantun lebih kepada hiburan tetapi menyuntik nilai keagamaan dalam pantun menjadi satu kaedah kepada mereka untuk memberi pedoman atau nasihat secara tidak langsung kepada pendengar.

### **Pantun Kongajar (Lucah)**

Dalam pantun Cocos juga turut ditemui pantun yang berunsur lucah atau orang Cocos menyebutnya sebagai pantun *kongajar*. Biasanya hanya orang dewasa yang sudah tua akan melafazkan pantun ini kerana ia dianggap lucah dan kelucahan merupakan taboo dalam masyarakat. Pantun ini agak tertutup sifatnya kerana hanya dilafazkan dalam kalangan orang dewasa atau orang tua-tua dahulu. Pantun ini biasanya digunakan bertujuan untuk bergurau senda, terutamanya dalam kalangan kaum lelaki ketika mereka berkumpul.

#### **Pantun 7: Pantun kongajar**

<b>Pantun Kongajar (Lucah)</b>	<b>Informan</b>
Sudah sampeh kapal merudu Mari tempel jambatan batu Ati saya sudah terganggu Liak susu meliak baju	Roland bin Molden (74 tahun)

Pada amnya, informan tidak mahu memberikan pantun ini kerana mereka agak malu. Mereka juga berharap pantun sebegini tidak dipelajari oleh generasi akan datang. Hanya terdapat enam rangkap pantun *kongajar* yang diperoleh. Informan menganggap pantun ini sangat tertutup sifatnya. Sebab itulah ada kias ibarat yang digunakan pada baris pantun terutamanya pada baris maksud. Oleh itu, mereka mengambil keputusan untuk tidak mahu berkongsikan maklumat tersebut. Hal ini berlaku kerana takut cara penerimaan dan persepsi orang lain terhadap mereka, terutamanya orang luar dari keturunan mereka. Walaupun data yang diperoleh berkenaan pantun kongajar agak sedikit namun ia tetap mewarnai budaya masyarakat Cocos, walaupun sangat tertutup sifatnya.

## **KESIMPULAN**

Kesemua pantun ini telah berjaya diklasifikasikan mengikut tema dalam pantun masyarakat Cocos. Namun demikian, bagi tujuan penulisan artikel ini, senarai tema dan contoh pantun memadai dijadikan pemahaman terhadap bentuk-bentuk tema yang telah diperoleh. Dapatan kajian menemukan bahawa tema-tema pantun Cocos tidak terhad kepada tema cinta dan kasih sayang. Sebagaimana pantun

masyarakat Melayu yang lain, pantun Cocos juga memiliki tema budi, *mengaco* (hiburan), *mendongkol* (kecewa dan perpisahan), *ajaran* (nasihat), agama, dan pantun *kongajar* (lucuh) yang berjaya membuktikan bahawa orang Cocos memiliki khazanah pantun yang sarat. Ia sekaligus menolak kenyataan Pauline Bunce yang menyatakan bahawa pantun Cocos hanya bertemakan kasih sayang adalah tidak benar. Tema-tema pantun yang dimiliki oleh orang Cocos juga ada yang hampir sama dengan pantun Melayu dari segi tema dan juga pembayangnya. Perbezaan pantun Cocos dan Melayu adalah pada sebutan kerana cara pengucapan satu-satu perkataan dalam bahasa Cocos agak berbeza dengan sebutan orang Melayu, walaupun ia merujuk kepada perkataan yang sama. Perkataan-perkataan yang dieja dan disebut sedemikian rupa itu merupakan perkataan yang digunakan oleh orang Cocos dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini seterusnya membuktikan bahawa sungguhpun orang Cocos telah berhijrah dari kepulauan Cocos, masyarakatnya masih mempertahankan warisan yang mereka miliki sejak zaman-berzaman.

## RUJUKAN

- Abd. Rachman Abror. (2006). *Pantun Melayu, titik temu Islam dan budaya lokal nusantara*. Yogyakarta: PT. LKiS Printing Cemerlang.
- Asmiaty Amat. (2021). Hubungan etnik di Sabah: satu kajian terhadap cerpen-cerpen terpilih penulis Sabah. *Jurnal PENDETA*, 12(2), 44-45. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/5423/3175>
- Florina Jumil, & Norjietta Julita Taisin. (2017). Nilai Pendidikan dalam tangon-tangon masyarakat Kadazandusun. *Jurnal PENDETA*, 8(2017), 36-46. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1233/888>
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional, satu perbincangan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2007). *Pantun sebagai artifak budaya*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Isa Romtie, Asmiaty Amat, & Lokman Abdul Samad. (2018). Unsur maritim dalam perkahwinan di Sabah. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 15, Kampus Ipoh: Institusi Pendidikan Guru.
- Isa Romtie, Asmiaty Amat, & Lokman Abdul Samad. (2019). Nyanyian panton sebagai hiburan dan pendidikan masyarakat Cocos di Sabah, *MANU*, 29, 115-135, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Jabatan Perangkaan Negeri Sabah. (2019). Buku Perangkaan Sabah. file:///C:/Users/User/Downloads/Buku%20Tahunan%20Perangkaan%20Sabah%202019.pdf
- Lokman Abdul Samad. (2008). Wahui: Pengenalan genre pantun Suluk di Sabah. *WADAH*. Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.
- Lokman Abdul Samad. (2017). *Pantun Brunei Sabah: Analisis stalistik* (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan), Universiti Malaysia Sabah, Sabah.
- Low Kok On. (2016). *Unsur berahi dalam pantun kasih sayang Melayu Brunei di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah: Unit Penyelidikan Warisan Borneo.
- Mohd Rashid Md. Idris. (2011). *Nilai Melayu dalam pantun*. Tanjong Malim Perak, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rosli Saludin. (2007). *Puisi Melayu tadisional*. Pulau Pinang: Siri Bukit Budaya, Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Norjietta Taisin. (2019). Unsur metafora dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 153-172. <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/31>.
- Pauline Bunce. (1993). *Kepulauan Cocos (Keeling), Masyarakat Melayu di Australia* (Padila Haji Ali, pent.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosliah Kiting, Jemir Kinsom, & Ewon Benedick. (2020). Nilai pendidikan dalam talaala Dusun Tindal. *Gendang Alam*, 10 (2), 123-135.
- Tajul Kelantan. (1958). *Perinchis pantun*. Lembaran Sastera Lama, Saudara Sinaran Berhad.
- Wan Hashim Wan Teh, & A. Halim Ali. (1999). *Rumpun Melayu Australia Barat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurinah Hassan. (2016). *Unsur alam sebagai kias ibarat dalam pantun nasihat, dalam wacana Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **Senarai Informan**

Adduan bin Andin (58 tahun), di kediaman Kampung Skim Cocos, Kunak, Tawau.

Arsah binti Bidol (77 tahun), di kediaman Kampung Skim Cocos, Kunak, Tawau.

Arsie binti Bidol (77 tahun), di kediaman Kampung Balung Cocos, Tawau, Tawau.

Bahdie binti Ibla (76 tahun), di kediaman Kampung Balung Cocos, Tawau.

Mydin bin Salam (78 tahun), di kediaman Kampung Skim Cocos, Kunak, Tawau.

Norini binti Wawassie (72 tahun), di kediaman Kampung Skim Cocos, Kunak, Tawau.

Roland bin Molden (74 tahun), di kediaman Kampung Balung Cocos, Tawau

Romtie bin Ibla (81 tahun), di kediaman Kampung Balung Cocos, Tawau.